

**Terjemahan nama tumbuh-tumbuhan perubatan dalam kitab al-Qanun fi al-Tibb dari bahasa Arab ke bahasa Melayu: kaedah, masalah, dan penyelesaian**

**ABSTRAK**

Dalam kitab al-Qanun fi al-Tibb, Ibnu Sina telah menyenaraikan lebih 400 spesis tumbuh-tumbuhan perubatan. Sebahagian besar daripada tumbuh-tumbuhan tersebut tidak terdapat di negara-negara yang beriklim khatulistiwa seperti Malaysia. Oleh itu, nama tumbuh-tumbuhan tersebut pastinya tidak terdapat dalam bahasa Melayu, apatah lagi jika tumbuh-tumbuhan tersebut kurang terkenal. Oleh itu, kertas kerja ini akan mencadangkan beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk menterjemah nama tumbuh-tumbuhan perubatan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu, khususnya bagi tumbuh-tumbuhan yang masih belum mempunyai padanan dalam bahasa Melayu. Kertas kerja ini juga akan mengemukakan beberapa masalah yang dijangka akan dihadapi oleh penterjemah dan jalan penyelesaian kepada masalah tersebut.

**Kata kunci:** al-Qanun fi al-Tib; Ibn Sina; Tumbuhan perubatan; Terjemahan